

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14

Strategi tingkat pendapatan isi rumah

Strategi tingkat pendapatan isi rumah

Kerajaan yakin sasaran pendapatan isi rumah RM10,000 sebulan menjelang 2025, dapat dicapai berikutan pelbagai strategi makro diperkenalkan untuk memulih dan memperkukuh asas ekonomi, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Eddin Syazlee Shith.

Katanya, antara strategi itu ialah usaha meningkatkan produktiviti, menggalakkan pelaburan berkualiti, mempercepat peralihan struktur ekonomi, memanfaatkan penyertaan dalam rantaian nilai global, meningkatkan bahagian pampasan pekerja, dan memastikan kemampunan fiskal dalam jangka panjang.

Beliau berkata, kerajaan menyasarkan purata pendapatan isi rumah bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) meningkat daripada RM7,089 pada 2020 kepada RM10,065 pada 2025, iaitu peningkatan 7.3 peratus setahun.

“Sasaran ditetapkan ini adalah realistik berdasarkan pencapaian peningkatan purata pendapatan isi rumah bagi tempoh 2009 hingga 2019, iaitu 7.0 peratus setahun,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

+